

# Malaysia sentiasa sokong usaha perangi keganasan

Negara tawar khidmat serta operasi keamanan di arena antarabangsa

Oleh Ifwan Tun Tuah  
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia sentiasa menyokong sebarang usaha untuk memerangi keganasan dan kekejaman, tetapi ia mestilah tidak membabitkan pencerobohan atau campur tangan asing dalam hal ehwal dalaman negara lain, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keganasan dan perperangan yang berpunca daripada pergolakan merebut kuasa perlu dibanteras sepenuhnya kerana ia menyebabkan banyak nyawa terkorban serta ramai menanggung kesengsaraan.

"Ribuan orang kehilangan harta benda dan kediaman akibat perang dan keganasan hingga mereka akhirnya terkurung dalam penempatan di khemah pelarian.

"Masalah ini jika tidak ditangani dengan berkesan boleh menjadi ancaman keselamatan dunia kerana ia menyumbang kepada keganasan militan, perang saudara dan pencerobohan di negara lemah," katanya berucap pada acara 'Berjalan Demi Keamanan' sempena Hari Keamanan Sedunia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Teks ucapan Najib yang juga penaung acara anjuran Majlis Veteran Angkatan Tentera Malaysia itu, dibacakan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abu Seman Yusop.

Kira-kira 5,000 peserta dengan 27 kontinjen termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia



ABU SEMAN memeriksa barisan kontinjen yang menyertai perbarisan acara 'Berjalan Demi Keamanan' yang diadakan di PWTC, di Kuala Lumpur, semalam.

(PDRM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyertai acara terbabit.

Najib berkata, perperangan dan keganasan mewujudkan keresahan sosial, kehilangan tempat tinggal, ketidakstabilan politik dan seterusnya menyebabkan kerajaan sebuah negara gagal bertindak dengan berkesan bagi memenuhi keperluan rakyatnya.

"Untuk mengatasi perkara ini, Malaysia menggesa semua negara mempraktikkan tahap toleransi tinggi dan hidup dalam keadaan harmoni sebagai negara berjiran.

"Setiap negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu memfokuskan kekuatan serta keupayaan untuk berusaha mencapai keamanan dan keselamatan dunia," katanya.

Najib berkata, komuniti

dunia termasuk PBB dilihat tidak mampu menangani masalah itu. Bagaimanapun itu tidak menghalang Malaysia sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan membuat tawaran membantu mewujudkan keamanan antarabangsa.

Katanya, selama 35 tahun, Malaysia tidak pernah menolak permintaan PBB untuk menghantar pasukan un-

tuk Operasi Keamanan di negara konflik termasuk Congo, Namibia, Somalia, Bosnia Herzegovina, Sierra Leone dan Timur Leste.

Selain itu, katanya Malaysia turut memainkan peranan aktif menghantar pasukan pemerhati serta perubatan terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia di banyak negara.

Beliau berbangga pasukan Malaysia menunjukkan perkhidmatan cemerlang serta terpuji di semua negara terbabit.

Mengulas mengenai sambutan Hari Keamanan Sedunia, Najib berkata, Malaysia menyeru semua negara anggota PBB menghormati tarikh 21 September setiap tahun dengan mengadakan gencatan senjata.

**"Masalah ini jika tidak ditangani dengan berkesan boleh menjadi ancaman keselamatan dunia"**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri